

NOTA

1. Kata sendi nama (KSN) **dari** dan **daripada** sering mengelirukan murid
2. Mereka menggunakan KSN **dari** di tempat **daripada** dan menggunakan KSN **daripada** di tempat **dari**.
3. KSN **dari** dan **daripada** hadir di hadapan kata nama atau fasa nama.

Rumus Penggunaan KSN **dari** dan **daripada**

KSN ke

KSN	digunakan	Ayat contoh
dari	Untuk arah (A) tempat (T) dan masa (M).	1. Dia berasal dari Johor. 2. Saya telah menunggu mereka dari pukul lima petang.
daripada	untuk keanggotaan (K), abstrak (A), benda atau bandingan (B) orang atau organisasi (O) atau asal kejadian (S).	1. Pasukan itu terdiri daripada lima orang pemain. 2. Banyak manfaat yang kami peroleh daripada seminar tersebut. 3. Pintu itu dibuat daripada kayu nyatoh 4. Wang tersebut saya terima daripada ibu. 5. Benang itu berasal daripada kapas.

LATIHAN

Isi tempat kosong dengan kata sendi nama yang sesuai dalam setiap ayat di bawah.

1. Kapal itu datang _____ utara.
2. Rombongan kami terdiri _____ 40 orang murid.
3. Remaja hendaklah mengelakkan diri _____ bahaya dadah.
4. Saya menerima pesanan _____ ayah.
5. Saya membuat panggilan _____ Johor.